

Rugi ponteng puasa tanpa izin syarie

Setiap hari yang diganti tidak sama dengan bulan Ramadan

Sebelum tibanya Ramadan, ada yang rindukan sahurnya, buka puasa, malah ada yang teringat akan malamnya yang kudus. Tarawih dan solat malam sudah tentu diisi semaksimal mungkin dan diselang dengan tadarus.

Ramai juga yang mengambil peluang mengerjakan umrah dan bersedekah kerana semua ingin menghambakan diri seterusnya menjadi hamba-Nya yang tulus.

Kemeriahan Ramadan bukan diukur dengan besarnya atau gamatnya suasana berbuka puasa, tetapi sejauh mana umat Islam mampu merubah diri ke arah yang lebih baik khususnya dengan amalan puasa.

Amalan berpuasa yang sebenarnya hanya dapat dilakukan oleh mereka yang beriman. Perkara menghalang seseorang daripada makan dan minum pada saat dahaga atau lapar meskipun ada hidangan lazat terhidang depan mata ialah keimanannya kepada Allah.

Perkara menghalang seseorang daripada melakukan maksiat dan berbicara perkara sia-sia juga adalah imannya kepada Allah. Semuanya kerana mereka menahan diri daripada perbuatan yang membatalkan puasa.

Orang puasa luar biasa

Sabda Rasulullah SAW: "Bukanlah berpuasa itu menahan diri daripada makan dan minum saja, akan tetapi berpuasa itu juga menahan diri daripada berkata-kata dengan perkataan kotor dan kata-kata kesat."

Justeru, tiada siapa yang mampu menolak hakikat bahawa orang yang berpuasa ialah orang yang benar-benar luar biasa. Mereka mengejar rahmat pada permulaannya, pertengahannya pengampunan dan penghujungnya ter-

lepas dari neraka jahanam.

Mereka yang bersalah memohon maaf, sombong menghulur senyum, jahat mula bertaubat, malas menyinsing lengan, takbur tidak jemu bersujud memohon keampunan, pelepasan daripada dosa yang terhimpun sekian lama.

Indahnya Ramadan, paginya hening untuk menginsafi diri, siang bersabar dan malam yang singkat untuk bertaubat. Selain menahan lapar dan dahaga, berpuasa juga menjaga diri daripada melakukan perbuatan maksiat yang lain.

Halal dilakukan pada bulan lain menjadi haram pada bulan puasa, seperti makan di siang hari dan melakukan persetubuhan antara suami isteri. Sebab itu orang yang berpuasa dengan sebenar-benarnya adalah orang yang luar biasa.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, semoga kamu bertakwa." (Surah al-Baqarah, ayat 183)

Orang yang berpuasa ialah orang yang bertakwa dan itulah hakikat tujuan puasa. Mereka menjaga hati daripada berasa sangsi terhadap kekuasaan Allah dan kebaikan saudara seagama. Mereka juga menjaga mata daripada memandang sesuatu yang tidak selayaknya.

Menjaga hidung menghidu sesuatu yang mengurangkan pahala, menjaga telinga daripada halwa membuai rasa dan suara membawa berita bohong, menjaga lidah membicarakan hal tidak berfaedah, mengumpat, mencaci, menipu dan memfitnah serta menjaga tubuh badan lainnya.

Rugi tinggal puasa tanpa izin syarie

Orang yang meninggalkan ibadah puasa tanpa izin syarie tidak akan dapat menggantikan hari itu pada mana-mana hari pun di dunia, meskipun ia berpuasa seumur hidupnya.

Daripada Abi Hurairah, katanya,



AL-QURAN

"Wahai orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, semoga kamu bertakwa"

Surah al-Baqarah (ayat 183)

Menikmati juadah secara sederhana ketika **berbuka** amat digalakkan.

bersabda Rasulullah SAW:

"Sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadan tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat menggantikan puasa yang ditinggalkan itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup."

Waktu ini juga ibu wajar mengambil peluang keberkatan Ramadan untuk meluangkan masa berganda bersama anak serta mendidik mereka mematuhi hukum agama. Selain puasa, rukun Islam lain wajar ditazkirahkan dan diamalkan bersama supaya hati mereka dekat dengan Yang Maha Pencipta.

Anak bukan saja perlu difahamkan dengan apa yang terakam dalam kitab suci, tetapi juga amalan ditunjukkan oleh ibu bapa, pendakwah yang paling hampir dengan mereka.

Tunjuk ajar yang betul di peringkat awal usia anak-anak untuk menghadapi Ramadan menjadi batu asas untuk mereka beristiqamah dengan fahaman puasa yang sebenarnya, iaitu bukan hanya berlapar tetapi menjadi hamba yang insaf terhadap hari muka.

Sudah tentu setiap isteri pula menantikan tunjuk ajar suami dalam meningkatkan ibadah kepada Allah SWT. Walaupun menyediakan juadah bersahur dan berbuka besar dan banyak pahalanya, ia tidak cukup puas jika tidak berjemaah sewaktu qiyamulail.

Khususnya apabila tiba lailatul qadar yang hanya bertandang sekali. Justeru, setiap suami harus mengambil kesempatan ini untuk menyiapkan diri membimbing anak dan isteri menghadapi Ramadan kali ini supaya lebih baik daripada sebelumnya.



NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia